

DATE: 23/01/2008

Malaysia kutuk sekatan di sempadan Palestin

Tindakan Israel burukkan lagi krisis kemanusiaan di Gaza: PM

KUALA LUMPUR: Malaysia semalam mengutuk sekatan yang dikenakan Israel dan penutupan semua jalan menyeberangi sempadan antara Israel dengan wilayah Palestin di Gaza.

"Sekatan itu memburukkan lagi krisis kemanusiaan yang sudah pun meruncing di kawasan itu dan ini akan mencetuskan bencana kemanusiaan," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah, yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menggesa masyarakat antarabangsa mendesak Israel menarik balik sekatan dengan segera dan menamatkan penderitaan rakyat di Gaza.

“Penderaan secara kolektif ke atas penduduk awam Gaza yang tidak bersalah tidak dapat diterima dalam apa jua keadaan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Malaysia juga menggesa Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-Moon mengadakan sesi persidangan terbuka Majlis Keselamatan PBB bagi membolehkan anggota lain badan dunia itu menyertai perdebatan mengenai situasi yang meruncing di Gaza, katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sambil menegaskan bahawa tindakan Yahudi itu melanggar undang-undang antarabangsa, Abdullah berkata: "Penderaan secara kolektif ke atas penduduk awam Gaza yang tidak bersalah tidak dapat diterima dalam apa jua keadaan".

Ketika menegaskan bahawa rakyat Palestin berhak mendapatkan beka-

lan makanan, bahan bakar dan ubat-ubatan, Perdana Menteri berkat, tindakan tidak berperikemanusiaan oleh Israel itu akan memburukkan lagi keadaan hidup rakyat Palestin.

Tel Aviv memberi alasan sekatan-nya ke atas Gaza sebagai tindak balas terhadap serangan roket kumpulan militan minggu lalu.

Isnin lalu, Israel memutus meringkankan sekatan, dengan menyatakan ia akan membenarkan bekalan makanan dan bahan bakar untuk sehari, selepas PBB memberi amaran bantuan makanan antarabangsa ke wilayah yang mengalami kesulitan itu mungkin digantung menjelang hujung minggu ini. - Bernama